

17 JAN 2003

Hishammuddin-Rombakan (Bergambar)

PEMUDA UMNO DIROMBAK BILA-BILA MASA JIKA PERLU

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata beliau tidak akan teragak-agak untuk melakukan rombakan kepimpinan dalam pergerakan itu pada bila-bila masa jika perlu.

Beliau berkata tindakan itu perlu jika pemimpin yang ada sekarang tidak mampu menggerakkan jentera parti di peringkat negeri terutamanya bagi memenangi semula Kelantan dan Terengganu, yang kini dikuasai pembangkang.

"Saya akan buat keputusan, siapa yang nak kita ketengahkan boleh mewakili kita, pemimpin yang tidak mampu, tidak boleh memikul amanah, saya tidak akan teragak-agak untuk menukar mereka pada masa yang sesuai.

"Saya akan putus bila tiba masanya dan ia tidak terhad di Kelantan sahaja. Saya boleh tukar esok jika saya mahu," katanya pada sidang media selepas merasmikan logo Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (PEACE Malaysia) di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan melantik beberapa muka baru termasuk bagi jawatan timbalan pengerusi, sebagai strategi menawan semula Kelantan.

Hishammuddin berkata Pemuda Umno menyambut baik keputusan itu yang membawa mesej pucuk pimpinan bahawa jawatan tinggi yang diberi dalam parti bukan untuk diiktiraf sebagai pemimpin.

"Apa yang penting mereka harus turun ke padang, dekati orang ramai. Walaupun tidak ada jawatan, mereka ini turun padang, kalau mereka membawa manfaat kepada perjuangan Umno, pucuk pimpinan iktiraf mereka seperti yang kita lihat berlaku di Kelantan," katanya.

Beliau percaya dengan pelantikan dan amanah yang diberikan itu, barisan kepimpinan baru Umno Kelantan akan cuba bersungguh-sungguh untuk memenangi kembali negeri itu.

Menurutnya mesej yang sama juga diberikan kepada pemimpin Pemuda Umno walaupun beliau berpuas hati dengan keadaan yang ada sekarang.

"Setakat hari ini, saya tengok tidak ada masalah yang besar," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata PEACE Malaysia bertujuan menyatukan semua rakyat negara ini dari pelbagai latar belakang bagi menyuarakan keinginan mereka melihat peperangan dihentikan dan keamanan dunia dipulihkan.

"Melalui perikatan sebegini, penduduk Malaysia boleh menyuarakan kepada dunia bahawa mereka mahu penyelesaian bagi keamanan sejagat dan ia harus dibuat secara adil dan menyeluruh," katanya.

PEACE Malaysia yang ditubuhkan awal tahun ini membabitkan pelbagai pertubuhan belia, pelajar, agama, pasukan beruniform, badan bukan kerajaan (NGO), dan parti-parti politik termasuk pembangkang.

Sehingga kini, sebanyak 237 pertubuhan mewakili kira-kira 3 juta anggota telah menyertainya.

Hishammuddin berkata antara lain, perikatan longgar tanpa campur tangan kerajaan dan politik itu akan merangka satu memorandum yang menggambarkan hasrat rakyat negara ini untuk disampaikan kepada ketua negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang akan mengadakan sidang kemuncak di sini pada 20 hingga 25 Feb ini.

Selain itu, PEACE Malaysia juga akan mengadakan aktiviti seperti kempen mengumpul sejuta tandatangan/SMS bagi menggalakkan keamanan, Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia (Seminar dan Bengkel) serta Kolokium mengenai perundangan antarabangsa.

-- BERNAMA
SHI AHH NAK